

Headline	Petronas bantu pelajar cemerlang capai impian		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	5	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	369 cm <sup>2</sup>
Journalist	Jumlah dibelanjakan RM2.9 bilions	AdValue	RM 7,293
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,879



# Petronas bantu pelajar cemerlang capai impian

PENGLIBATAN Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) dalam membangunkan bidang pendidikan negara sebenarnya telah bermula sejak dahulu lagi apabila syarikat itu mengambil langkah menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi membolehkan mereka meneruskan pengajian di dalam mahupun luar negara.

Sejak dilaksanakan pada tahun 1975, lebih 34,000 pelajar telah mendapat faedah daripada Program Penajaan Pendidikan Petronas (PESP) dengan nilai purata pelaburan berjumlah RM2.9 bilion.

Pemberian biasiswa di bawah program ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan Petronas dalam membangunkan modal insan di Malaysia dengan memberikan peluang pendidikan kepada pelajar-pelajar yang layak bagi merealisasikan potensi akademik mereka.

Apatah lagi, dilihat ramai pelajar cemerlang terpaksa melupakan hasrat untuk meneruskan pengajian disebabkan kewujudan kekangan seperti masalah kewangan termasuk kemiskinan sehingga menyekat peluang mereka untuk mengenggam segulung ijazah.

Melalui PESP, penerima biasiswa akan ditaja bermula daripada peringkat persediaan hingga ijazah pertama di universiti-universiti terkemuka dalam mahupun luar negara.

Tahun lalu sahaja, Petronas telah menganugerahkan biasiswa kepada 380 pelajar yang layak di bawah PESP. Daripada jumlah itu, 141 pelajar ditawarkan melanjutkan pengajian di luar negara manakala 239 orang pelajar lagi mendapat tempat di universiti-universiti awam tempatan.

Ini termasuk di Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Bandar Seri Iskandar, Perak dan beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terkemuka di Malaysia seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Turut menerima bantuan biasiswa

di bawah PESP pada tahun lalu adalah 16 pelajar daripada Pusat PERMATA pintar Negara (PPN).

Pelajar-pelajar ini adalah kumpulan pertama daripada PPN yang mendapat tajaan Petronas bagi menyambung pelajaran dalam pelbagai bidang termasuk kejuruteraan kimia, petroleum, petroleum geosains, ekonomi dan perubatan di universiti terkemuka luar negara.

Sebelum biasiswa ditawarkan, pelajar-pelajar akan melalui proses saringan yang ketat dengan melihat kepada pencapaian akademik masing-masing.

Selain itu, Petronas juga mengambil kira kecemerlangan kokurikulum, keputusan ujian bertulis dan temuduga yang dijalankan serta latar belakang sosioekonomi terutama pendapatan keluarga.

Bidang yang ditawarkan kebanyakannya adalah kejuruteraan seperti kimia, awam, elektrik dan elektronik serta mekanikal. Selain itu, terdapat juga bidang lain yang ditawarkan antaranya kewangan, perakaunan, perubatan dan perdagangan.

Setelah tamat pengajian, mereka yang mendapat pembiayaan Petronas akan diambil bekerja dengan Petronas dalam usaha menampung keperluan tenaga mahir di syarikat tersebut dan pada masa sama dapat mengurangkan kebergantungan syarikat itu kepada tenaga mahir dari luar negara.

Kini, ramai pelajar tajaan Petronas telah berjaya menempa nama di bidang masing-masing yang mana kepakaran mereka amat berguna dalam menyokong pembangunan negara.

Antaranya, **Asrif Omar Che Yusof**, 31, bekas pelajar Northwestern University di Amerika Syarikat dalam bidang Kejuruteraan Industri, dan kini berkhidmat di Petronas.

"PESP telah membuka lembaran baharu di dalam perjalanan hidup saya semasa saya diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran pada tahun 2001," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pengalaman yang dilaluinya itu sedikit sebanyak telah mencorakkan dan mendewasakan keperibadian dalam menyiapkan dirinya untuk kembali berkhidmat setelah tamat

pengajian.

"Saya amat berharap agar para pelajar yang terpilih untuk melalui program ini akan menggunakan sepenuhnya peluang yang diberi," kata Asrif Omar.

Usaha Petronas ini akan diteruskan kerana itulah antara keutamaan syarikat itu dalam memupuk dan membangunkan modal insan di negara ini.

Dengan adanya PESP, ia dapat membantu usaha melahirkan lebih ramai kakitangan berkebolehan dalam memenuhi keperluan sumber manusia dan pertumbuhan perniagaan syarikat itu.

## Program tajaan Petronas di Universiti Teknologi Petronas (UTP)

- Kejuruteraan Awam
- Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
- Kejuruteraan Kimia
- Kejuruteraan Mekanikal
- Kejuruteraan Petroleum
- Petroleum Geosains

## Program-program tajaan di luar negara

- Ekonomi
- Geologi/Geofizik
- Kejuruteraan Petroleum/Mekanikal/Kimia
- Perakaunan/Perdagangan/Kewangan
- Perundangan
- Sains Aktuarial

## FAKTA

Pelajar yang dibiayai  
34,000

Jumlah dibelanjakan  
RM2.9 bilion (secara purata)

Matlamat  
Melahirkan  
graduan berkemahiran  
tinggi bagi memenuhi  
keperluan tenaga  
mahir dalam Petronas

Headline	Petronas bantu pelajar cemerlang capai impian		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	5	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	369 cm <sup>2</sup>
Journalist	Jumlah dibelanjakan RM2.9 bilions	AdValue	RM 7,293
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,879



**ASRIF OMAR  
CHEYUSOF**



**NAIB Presiden Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Petronas, Raiha Azni Abd. Rahman, (dua kiri) bersama-sama sebahagian penerima anugerah Program Penajaan Pendidikan Petronas.**